

IBU PEJABAT JPS MALAYSIA

Surat Pekeliling JPS. UB. 1/1997

PERATURAN DAN PIHAK-PIHAK BERKUASA MELULUSKAN PENGUKURAN SEMULA KUANTITI SEMENTARA.

1.0 TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk mengadakan satu mekanisma kawalan di semua peringkat supaya tidak berlaku perubahan ataupun tambahan yang besar dalam kerja-kerja yang melibatkan Kuantiti Sementara (Provisional Quantities). Ini adalah selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan dalam A.P. 202.2(a) Jadual VI(d) dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/1994.

2.0 LATARBELAKANG

2.1 Kebanyakan Senarai Kuantiti yang disediakan di Jabatan ini adalah berdasarkan kuantiti sementara. Adakalanya peningkatan kuantiti sementara ini di peringkat pembinaan tidak dapat dikawal dan mengakibatkan pertambahan yang besar kepada Harga Kontrak. Keadaan ini mungkin boleh dielakkan jika peningkatan kuantiti dikenalpasti di peringkat awal.

3.0 **CARA PERLAKSANAAN**

3.1 **JAWATANKUASA**

Semua pengukuran semula kuantiti sementara yang tidak melibatkan tambahan atau perubahan kepada skop kerja asal hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa yang berkenaan mengikut had nilai yang telah ditetapkan seperti di Lampiran A.

Keahlian Jawatankuasa berkenaan adalah sama dengan Jawatankuasa Perubahan Kerja yang telah ditentukan melalui surat Pindaan Pertama kepada Surat Pekeliling JPT CUB Bil. 2/1988 bertarikh 4.3.93.

3.2 **TINDAKAN**

3.2.1 Permohonan untuk kelulusan penambahan nilai pengukuran semula hendaklah dibuat kepada Jawatankuasa berkenaan dengan menggunakan Borang D seperti yang dilampirkan apabila keseluruhan kerja telah disiapkan dan pengukuran semula kuantiti sementara seperti di dalam Senarai Kuantiti telah dilaksanakan.

3.2.2 Jumlah pertambahan yang dimaksudkan di para 3.2.1 di atas adalah merupakan jumlah nilai bersih (nett) bagi semua item yang terlibat dengan pengukuran semula (tidak termasuk kerja-kerja tambahan).

3.2.3 Walaubagaimanapun, jika didapati pertambahan kepada sesuatu item yang merupakan komponen utama dalam skop kerja kontrak, telah melebihi 50% dari kuantiti sebenar atau RM100,000, yang mana lebih rendah, dan dijangkakan akan terus meningkat, perkara ini hendaklah dirujuk ke Pengarah Bahagian berkenaan di Ibu Pejabat dengan serta merta supaya tindakan sewajarnya dapat diambil dari awal seperti mengubahsuai rekabentuk, jika perlu, atau lain-lain alternatif.

Bagi maksud ini, satu kertas justifikasi yang disediakan oleh pihak yang menyelia projek serta satu laporan penilaian oleh pihak yang menyediakan rekabentuk/dokumen tender hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Bahagian berkenaan untuk tindakannya.

Semua laporan termasuk keputusan Pengarah Bahagian berkenaan hendaklah disertakan bersama dengan Borang D sebagai dokumen sokongan.

- 3.2.4 Sekiranya jumlah nilai bersih pengukuran semula (tidak termasuk perubahan kerja) menghasilkan pengurangan kepada nilai Kontrak, Pegawai Penguasa diberi kuasa untuk meluluskannya.
- 3.2.5 Untuk memastikan keberkesanan surat pekeliling ini, pegawai penyelia hendaklah sentiasa mengawasi semua penambahan/pengurangan ke atas kuantiti sementara dalam kontrak.

Mereka juga hendaklah menyemak semula kuantiti semua kerja yang melibatkan pengukuran semula berdasarkan keadaan sebenar di tapak bina secepat mungkin setelah kerja-kerja fizikal dimulakan oleh kontraktor.

Jika perlu, siasatan semula/pengesahan keadaan tanah atau sebagainya hendaklah dijalankan untuk membolehkan semakan dibuat dengan ketepatan yang memuaskan.

4.0 **PENGUATKUASAAN**

- 4.1 Peraturan di atas adalah berkuatkuasa serta merta bagi semua projek yang sedang berjalan dan projek-projek yang telah siap di mana pengukuran semula kuantiti sementara belum dilaksanakan atau Perakuan Muktamad belum diluluskan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"

(IR. NEO TONG LEE)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

Januari 1997

**PIHAK BERKUASA MELULUSKAN TAMBAHAN
KUANTITI SEMENTARA**

Bil.	Jumlah Bersih Tambahan Bagi Pengukuran Semula Kuantiti Sementara	Pihak Berkuasa
1.	Tidak melebihi RM1,000,000.00	Jawatankuasa Peringkat Negeri/Projek
2.		Jawatankuasa Peringkat Bahagian
3.	RM1,000,001 - RM1,500,000	Jawatankuasa Peringkat Timbalan Ketua Pengarah
4.	RM1,500,001 - RM3,000,000	Jawatankuasa Peringkat Ketua Pengarah
5.	RM3,000,001 - RM4,500,000 Dalam semua hal lain	Ketua Setiausaha Perbendaharaan

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

PERMOHONAN UNTUK MELULUSKAN TAMBAHAN
KUANTITI SEMENTARA

1. BUTIR-BUTIR KONTRAK

- 1.1 Tajuk Kontrak :
- 1.2 Nombor Kontrak :
- 1.3 Harga Kontrak :
- 1.4 Tarikh Milik Tapak :
- 1.5 Tarikh Siap Asal :
- 1.6 Tarikh Siap Dilanjutkan :
- 1.7 Tarikh Siap Sebenar :

2. MAKLUMAT MENGENAI PERTAMBAHAN KUANTITI SEMENTARA

- 2.1 Jumlah Nilai Asal Kuantiti Sementara:
- 2.2 Jumlah Nilai Muktamad Kuantiti Sementara:
- 2.3 Jumlah Nilai Bersih Tambahan:
- 2.4 Butir-butir Pengukuran Semula: Rujuk Lampiran D1
- 2.5 Rujukan kepada Pengarah Bahagian (jika berkenaan): Rujuk Lampiran D2

3. PERAKUAN PEGAWAI

Permohonan dikemukakan untuk pertimbangan Jawatankuasa
Pertambahan Kuantiti Sementara.
Adalah disahkan bahawa peruntukan mencukupi.

.....
Tandatangan

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

4. KEPUTUSAN JAWATANKUASA

Permohonan di atas adalah diluluskan/tidak diluluskan.

 (Pengerusi) (Ahli) (Ahli)
Nama :
Jawatan:
Tarikh :

